

23 OCT 1998

Mahathir-APEC

SOAL PERTEMUAN DUA HALA TIDAK TIMBUL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata soal pertemuan dua hala antara beliau dengan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton semasa sidang kemuncak Kerjasama Asia Pasifik (APEC) bulan depan tidak timbul kerana ia merupakan mesyuarat multilateral.

"Kita (juga) tidak minta, apa sebab nak bangkit perkara ini," katanya kepada pemberita selepas membentangkan Belanjawan 1999 selaku Menteri Kewangan Pertama di Dewan Rakyat hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas laporan daripada Washington yang menyatakan bahawa Clinton tidak akan melakukan kunjungan hormat terhadap beliau semasa mesyuarat APEC yang akan diadakan pada 17 dan 18 Nov.

Sebuah agensi berita memetik seorang pegawai yang enggan dikenali sebagai berkata bahawa tindakan itu bagi membantah penahanan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang menghadapi 10 tuduhan rasuah dan salah-laku seks.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa Malaysia tidak mempunyai cadangan untuk memindahkan tempat persidangan itu sepertimana gesaan yang dibuat kepada Clinton oleh dua anggota kongres Amerika Syarikat Ben Gilman dan Doug Bereuter.

"Kita nak buat di sini...bagi kita semuanya seperti biasa," katanya.

Mengenai kenyataan dua anggota kongres itu supaya Clinton turut membangkitkan soal hak asasi manusia, Dr Mahathir berkata mesyuarat APEC seharusnya membincangkan soal kerjasama ekonomi dan tidak perkara lain termasuk politik.

"Saya mahu tegaskan bahawa APEC adalah mengenai kerjasama ekonomi, ia tiada kena mengena langsung dengan politik.

"Jika anda mahu mengubahnya menjadi forum politik, ia bukan lagi APEC.

"Jika anda mahu membuat bantahan atau apapun, anda boleh berbuat demikian pada masa lain," katanya.

-- BERNAMA

AZZ RON